

TALKING POINT
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)

**MAJLIS MALAM GALA AMAL
KOPERSADA DAN PERASMIAN
KOPERSADA MART**

**1 OKTOBER 2022 (SABTU)
8.45 MALAM
IDEAS HOTEL, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Keluarga
Malaysia

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM]**

1. Saya mengucapkan syukur ke hadirat Allah SWT kerana diberi keizinan untuk bersama-sama tuan/puan dalam Majlis Malam Gala Amal KOPERSADA pada malam ini.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada KOPERSADA kerana mengambil inisiatif mengelola

Majlis Malam Gala Amal bagi meraikan anak-anak yatim, di samping aktiviti jualan untuk menjana pendapatan koperasi. Ini satu usaha murni yang sangat baik sebagai tanda keprihatinan koperasi pada golongan memerlukan.

3. Bagi aktiviti jualan, ia satu pengisian strategik yang boleh menjana pendapatan koperasi dan anggota, di samping peluang terbaik untuk KOPERSADA mempromosi dan memperkenalkan produk-produk keluaran koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Dalam kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada KOPERSADA atas pembukaan KOPERSADA MART yang akan dirasmikan pada malam ini.

5. Ini merupakan satu kejayaan yang patut dibanggakan. Ia tanda sokongan KOPERSADA pada program BA100 dan ANGKASA amat menghargainya.

6. Sekadar perkongsian, sehingga 31 Ogos 2022 sebanyak 2464 *outlet* koperasi dan bukan koperasi telah

menyertai program ini. Pada tahun ini, ANGKASA mensasarkan 3000 outlet menyertai BA100.

7. ANGKASA percaya sasaran ini dapat dicapai dengan keadaan ekonomi semakin baik dan peningkatan kos sara hidup memberi kesan kepada masyarakat untuk

mencari barang-barang keperluan asas pada harga lebih murah. BA100 ada kelebihan itu, menawarkan barangan asas pada harga berpatutan.

8. Bagi mendekati dan membantu masyarakat mendapat barang asas mencukupi, ANGKASA turut terlibat

bersama-sama KUSKOP dan SKM mengadakan Karnival Keluarga Malaysia dan jualan harga patut seluruh Malaysia. Alhamdulillah setakat ini, program-program ini mendapat sambutan menggalakkan.

9. ANGKASA akan merencanakan lagi usaha untuk menggalakkan

koperasi dan anggota koperasi menyertai Program BA100. Ini cara terbaik untuk kita, gerakan koperasi menguasai sektor peruncitan, mengawal harga dan mengurangkan kos sara hidup.

10. Akhir kata, saya mendoakan majlis ini mencapai matlamat

ditetapkan dan KOPERSADA terus maju jaya memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota dan masyarakat.

11. Oleh itu, tanpa membuang masa dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan KOPERSADA MART.

Sekian terima kasih.